

Negara Islam mampu bawa pemodenan ke tahap global

JAKARTA 24 Julai - Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata negara-negara Islam mampu menyumbang secara berkesan terhadap pemodenan dan globalisasi.

Sambil menyeru semua negara Islam berusaha keras ke arah itu, Perdana Menteri berkata ia bukannya untuk mengambil hati pihak Barat tetapi bagi mewujudkan kesaksamaan dunia Islam dengan Barat.

"Kita perlu berbuat demikian bagi mendapatkan pengiktirafan Barat.

"Inilah cara terbaik bagi Barat menghormati Islam," katanya ketika berucap selepas dianugerahkan ijazah kehormat doktor falsafah Islam oleh Universiti Islam Syarif Hidayatullah di sini hari ini.

Abdullah berkata kesaksamaan dan saling hormat menghormati adalah satu-satunya asas yang membina persefahaman dan keharmonian antara dunia Islam dan Barat, selain dapat membawa manfaat sampingan bagi keamanan sejagat dan kestabilan antara-bangsa.

Beliau berkata sumbangan Islam kepada globalisasi dan pemodenan perlu dijalankan seiring dengan Barat.

Abdullah, yang juga pengerusi Pertubuhan Persidangan Islam (OIC), berkata banyak forum telah diadakan tetapi satu usaha secara bersepadu belum dijalankan.

Katanya, kebanyakan forum ini diadakan di peringkat individu persendirian atau badan bukan kerajaan, yang berguna untuk mengetengahkan unsur keterbukaan dan ketelusan.

"Dialog saja tidak berhasil jika tidak disusuli tindakan konkrit.

"Kerajaan saja yang dapat memulakan dan mengekalkan tindakan yang

ketara baik di dalam negara mahupun di peringkat antarabangsa, dan oleh itu, dialog perlu juga membabitkan kerajaan pada satu peringkat tertentu," katanya.

Abdullah berkata cendekiawan, pakar dan aktivis bukan kerajaan pula boleh mengambil bahagian sebagai pakar rujuk.

Beliau berkata pemodenan dari segi materialnya adalah satu proses menyediakan kemajuan ekonomi dan mewujudkan peluang untuk dinikmati oleh rakyat.

Kepada cendekiawan Islam tempatan dan luar negara yang menghadiri satu seminar sehari mengenai Islam Hadhari yang diadakan sempena majlis penganugerahan ijazah kehormat kepada beliau itu, Abdullah berkata negara-negara Islam tidak perlu bercirikan kebaratan untuk menjadi moden.

"Sains dan teknologi, kreativiti, inovasi dan pembaharuan, yang merupakan ciri-ciri pemodenan, bukannya monopoli mana-mana kaum atau tamadun," katanya.

Hakikatnya, kata Perdana Menteri, umat Islam dengan mudah boleh menyertai proses globalisasi tetapi pada masa yang sama masih berpegang kepada ajaran dan amalan Islam.

Abdullah menerima ijazah kehormat itu daripada rektor universiti berkenaan, Prof Dr. Azyumardi Azra, dengan disaksikan antaranya oleh anak dan menantu beliau, Nori dan Khairy Jamaluddin, Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Mustapa Mohamed, Penasihat Agama Perdana Menteri, Tan Sri Abdul Hamid Othman dan Duta Malaysia ke Indonesia, Datuk Zainal Abidin Mahamad Zin.

Um - 25/7/2006
Pemodenan dari segi materialnya adalah satu proses menyediakan kemajuan ekonomi dan mewujudkan peluang untuk dinikmati oleh rakyat

ABDULLAH AHMAD BADAWI
Perdana Menteri



ABDULLAH Ahmad Badawi menerima Ijazah Kehormat daripada Pengarah Universiti Islam Syarif Hidayatullah, Dr. Azyumardi Azra di Jakarta, semalam.